


**GARIS PANDUAN PEMBUKAAN OPERASI
MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG
(MPP) SEMASA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

JABATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI




GARIS PANDUAN OPERASI TASKA PINTAR HIKMAH

Waktu Operasi	7.00 Pagi – 6.00 Petang
Waktu Kehadiran Pelanggan	8 Jam
Kapasiti Pekerja	100 Peratus


LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19 (SEBELUM OPERASI)

- 1) Pengusaha, guru dan kakitangan bebas daripada wabak COVID-19.
- 2) Premis taska mesti dibersihkan dan dinyahkuman.
- 3) Guru dan kakitangan taska diberi latihan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan, serta pelaksanaan aktiviti.
- 4) Ibu bapa/penjaga, guru, kakitangan, dan kanak-kanak perlu mengisi Borang Pengisytiharan Kesihatan sebelum taska mula beroperasi.



LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19 (SEMASA OPERASI)

- 1) Kakitangan atau kanak-kanak yang menunjukkan gejala dilarang daripada berada di taska dan perlu diasingkan untuk dirujuk bagi nasihat perubatan.
- 2) Kakitangan/ kanak-kanak yang pernah menjadi kontak rapat dengan orang disahkan positif COVID-19 atau baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan hadir ke taska dalam tempoh 14 hari.
- 3) Saringan dilaksanakan sebelum masuk/ semasa berada/ sebelum balik setiap hari (yang mempunyai suhu badan 37.5° Celsius ke atas dilarang berada di taska).
- 4) Proses sanitasi dan pembasmian kuman dijalankan setiap hari sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari serta menyediakan *hand sanitizer*.
- 5) Penggunaan *face mask* dalam kalangan kakitangan sepanjang masa berada di taska.
- 6) Hadkan perhubungan antara pengasuh dan ibu bapa lain semasa menghantar anak dan lakukan dengan tertib.
- 7) Label penjarakan sosial seperti tanda jarak satu meter diletakkan di lantai khususnya di ruang makan, ruang tidur dan ruang membasuh tangan.
- 8) Kanak-kanak taska dilatih untuk menjaga kebersihan dengan kerap membasuh tangan dan menjaga jarak sosial.
- 9) Aktiviti berkumpulan dijalankan secara berasingan dan setiap aktiviti adalah ahli kumpulan yang sama.



LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19 (SELEPAS OPERASI)

- 1) Menjalankan proses sanitasi dan pembasmian kuman.
- 2) Memaklumkan kepada ibu bapa/ penjaga untuk memandikan kanak-kanak terlebih dahulu dan elakkan kontak terus dengan warga emas di rumah setelah pulang dari taska.

LANGKAH YANG PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA TERDAPAT WARGA DALAM TASKA DISAHKAN POSITIF COVID-19

- 1) Menutup operasi taska serta-merta.
- 2) Berhubung dengan Pejabat Kesihatan berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat.
- 3) Melakukan disinfeksi mengikut panduan yang ditetapkan oleh KKM.



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SURAU MPP

Waktu Operasi

1.00 Pagi – 5.30 Petang

- 1) Orang awam dan pelawat tidak dibenarkan menggunakan surau sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Surau hanya dibuka untuk anggota pekerja (AP) MPP sahaja.
- 2) AP yang mempunyai gejala batuk, demam dan sukar bernafas dilarang menggunakan surau.
- 3) Hanya 3 orang AP dibenarkan menggunakan surau pada satu-satu masa.
- 4) AP tidak digalakkan untuk menunaikan ibadah solat secara berjemaah.
- 5) AP digalakkan untuk membawa sejadah dan telekung sendiri. Sejadah dan telekung adalah tidak digalakkan ditinggalkan didalam surau. Peralatan tersebut mestilah berada dalam keadaan bersih.
- 6) AP hanya dibenarkan untuk menunaikan ibadah solat sahaja. Sebarang program kuliah, majlis keagamaan dan pelbagai tujuan lain adalah tidak dibenarkan.
- 7) Proses sanitasi dan pembasmian kuman dijalankan setiap hari sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari.